

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, September 23, 2019 4:12 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: IPIZ Teroka Peluang Kerjasama Penyelidikan Dan Perundingan Zakat Di Selatan Thailand



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

23 SEPTEMBER 2019 / 23 MUHARAM 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media
Gambar oleh: Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ)

IPIZ TEROKA PELUANG KERJASAMA PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN ZAKAT DI SELATAN THAILAND



UUM ONLINE: Delegasi Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ), UUM yang diketuai Timbalan Naib Cancellor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad telah mengadakan lawatan akademik ke selatan Thailand selama tiga hari, baru-baru ini.

Beliau berkata, lawatan itu adalah untuk memperbanyakkan kerjasama penyelidikan dan sebagai platform hubungan antarabangsa antara dua negara iaitu Malaysia dan Thailand.

Selain itu, menurutnya, ia adalah bagi membincangkan tajuk dan skop bersesuaian dengan kajian serta mengadakan hubungan kerjasama perundingan dan penyelidikan zakat.

"Sepanjang lawatan akademik ini, penyelidik IPIZ turut bertemu dengan penyelidik universiti di Thailand iaitu Princess of Naradhiwas University (PNU), Prince of Songkla University (PSU) dan Koperasi Islam Pattani Berhad.

"Antara aktiviti yang dijalankan adalah perbincangan bersama Koperasi Islam Pattani Berhad bagi melihat peluang kerjasama penyelidikan dan latihan, kunjungan hormat ke atas Presiden Princess Naradhiwas University bagi membincangkan tentang peluang penyelidikan bersama berkaitan model zakat kepada pembangunan ekonomi dan seminar ZAWED2019 serta pelaksanaan projek seperti Projek Hijau (*Green Project*) di Kompleks Al Bayan, Narathiwat dan forum 'Zakat Membangun Ekonomi Ummah' di Akademi Pengajian Islam dan Bahasa Arab, PNU.

"Selain itu, delegasi IPIZ juga telah mengadakan kunjungan ke PSU bagi perbincangan penyelidikan bersama (*matching grant*) dan pelaksanaan Memorandum Perjanjian (MoA)," katanya.

Turut serta dalam lawatan akademik itu ialah Pengarah IPIZ, Dr. Mohd Sollehudin Shuib; barisan pengurusan IPIZ dan felo-felo IPIZ.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.